



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MESYUARAT MAJLIS BENIH NEGARA

PAHANG, 7 NOVEMBER 2025 – YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah mempengerusikan **Mesyuarat Majlis Benih Negara (MBN) Bilangan 2 Tahun 2025** yang diadakan semalam di **MARDI Muadzam Shah, Rompin, Pahang**. Mesyuarat ini menghimpunkan pelbagai wakil daripada kementerian, agensi kerajaan serta pakar industri benih daripada sektor swasta.

Majlis ini berperanan sebagai platform utama dalam memperkukuh daya saing sektor pertanian negara melalui pembangunan dan penggunaan benih tempatan yang berkualiti, dengan sasaran **pengurangan import benih sebanyak 30% menjelang tahun 2040**.

Penubuhan **Hab Benih Negara** turut menjadi antara inisiatif strategik bagi memperkasa pembangunan benih dan baka tempatan, sekali gus memastikan kestabilan bekalan serta keterjaminan makanan negara.

Antara keputusan strategik mesyuarat ini termasuklah:

- **Pengukuhan hala tuju pembangunan benih kelapa**, dengan sasaran mencapai Kadar Sara Diri (*Self-Sufficiency Ratio* - SSR) **100% menjelang tahun 2035**, yang akan dilaksanakan oleh **Jabatan Pertanian Malaysia**; dan
- **Pelaksanaan pengeluaran benih ikan Bawal Emas secara domestik** melalui kolaborasi bersama rakan strategik, yang akan diterajui oleh **Jabatan Perikanan Malaysia** bagi memperkasa industri akuakultur negara.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) beriltizam untuk terus memperkukuh kelestarian industri benih dan baka tempatan dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada import, di samping meningkatkan keupayaan serta daya saing industri benih di pasaran antarabangsa.

Agenda keterjaminan benih ini bukan sahaja menjadi pemangkin kepada kemajuan industri agromakanan negara, malah turut berperanan sebagai asas kepada pemeliharaan **kedaulatan dan keselamatan makanan negara**.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

